

بسم الله الرحمن الرحيم

قال عمر بن طبرزد البغدادي أخبرنا الشيخ أبو الفتح عبد الملك بن أبي القاسم عبد الله بن أبي سهل الهروي الكروخي في
العشر الأول من ذي الحجة سنة ٥٤٧ سبعم وأربعين وخمسمائة بمكة شرفها الله وأنا أسمع قال أنا القاضي الزاهد أبو عامر
محمود بن القاسم بن محمد الأزدي رحمه الله قراءة عليه وأنا أسمع في ربيع الأول من سنة اثنين وثمانين وأربعمائة قال
الكروخي وأخبرنا الشيخ أبو نصر عبد العزيز بن محمد بن علي بن إبراهيم الترياقني والشيخ أبو بكر أحمد بن عبد الصمد بن
أبي الفضل بن أبي حامد الغوري رحمهما الله قراءة عليهما وأنا أسمع في ربيع الآخر من سنة إحدى وثمانين وأربعمائة قالوا
أنا أبو محمد عبد الجبار بن محمد بن عبد الله بن أبي الجراح الجرجاني المروزي المروزي قراءة عليه أنا أبو العباس محمد بن
أحمد بن محبوب بن فضيل المخبوي المروزي فأقر به الشيخ الثقة الأمين قال أخبرنا أبو عيسى محمد بن عيسى بن سورة
بن موسى الترمذي الحافظ قال

`Umar bin Thabarzad (Nama penuhnya ialah `Umar bin Muhammad. Ibnu Thabarzad
adalah nama timangannya) al-Baghdadi¹ berkata: Asy-Syeikh Abu al-Fath `Abdul Malik

¹ Sanad penulis sendiri sampai kepada Syeikh `Umar bin Thabarzad ini dan seterusnya sampai
kepada pengarang kitab Jaami' at-Tirmizi, Abu `Isa Muhammad bin `Isa at-Tirmizi adalah seperti
berikut: (1) Saya hamba Allah yang dha'if, Muhammad Asri bin Yusoff telah menerima kitab
Jaami' at-Tirmizi ini secara talaqqi (dengan mempelajarinya dari awal hingga ke akhir) daripada
guru saya (2) Maulana as-Syeikh al-Mufti Wali Hasan Khan at-Tonki, Syeikhul Hadits Jami'atul
Uloom al-Islamiyyah Karachi dan Mufti besar Pakistan di zamannya. (m.1415H). Beliau
menerimanya daripada (3) Syeikhul Hadits Darul `Uloom Deoband India, Maulana Husain
Ahmad al-Madani (m.1377H). Beliau menerimanya daripada (4) Syeikhul Hadits Darul `Uloom
Deoband India, Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri (m.1352H). Beliau menerimanya
daripada (5) Syeikhul Hind Maulana Mahmudul Hasan ad-Deobandi (m.1339H). Beliau
menerimanya daripada dua orang gurunya iaitu (6) (i) Maulana Muhammad Qasim an-Nanutwi
(pengasas Darul `Uloom Deoband, m.1297H) dan (ii) Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi
(m.1323H). Mereka berdua menerimanya daripada (7) Syeikh `Abdul Ghani al-Mujaddidi ad-
Dihliwi (m.1296H). Beliau menerimanya daripada (8) Syeikh Muhammad Ishaq, Muhaddits
Delhi (m.1262H). Beliau menerimanya daripada (9) As-Syeikh Syah `Abdul `Aziz ad-Dihliwi
(m.1239H). Beliau menerimanya daripada ayahandanya (10) As-Syeikh Syah Waliyyullah,
muhaddits Delhi di zamannya (m.1176H). Beliau menerimanya daripada (11) As-Syeikh Abi at-
Thahir Muhammad bin Ibrahim al-Kurdi al-Madani (m.1145H). Beliau menerimanya daripada
ayahandanya (12) As-Syeikh Ibrahim al-Kurdi (m.1101H). beliau menerimanya daripada (13) As-
Syeikh Sulthan bin Ahmad al-Mazzaahi al-Mishri (m.1075H). Beliau menerimanya daripada (14)

bin Abi al-Qasim Abdullah bin Abi Sahl al-Hirawi al-Karukhi meriwayatkan kepada kami pada 10 Zulhijjah tahun 547 hijrah di Mekah (Semoga Allah tetap memuliakannya) dengan cara saya mendengar. Kata beliau (Asy-Syeikh Abu al-Fath al-Karukhi): Al-Qadhi az-Zahid Abu 'Aamir Mahmud bin al-Qasim bin Muhammad al-Azdi (semoga Allah merahmatinya), meriwayatkan kepada kami dengan cara dibaca hadits-hadits (Jaami' at-Tirmizi) ini di hadapannya dan saya mendengarnya, pada bulan Rabi'ul Awwal tahun 482 hijrah. Syeikh Abu al-Fath al-Karukhi juga berkata: "Kitab ini juga dibaca di hadapan asy-Syeikh Abu an-Nashr 'Abdul 'Aziz bin Muhammad bin 'Ali bin Ibrahim at-Tiryaaqi dan asy-Syeikh Abu Bakr Ahmad bin 'Abdis Shamad bin Abi al-Fadhl bin Abi Hamid al-Ghurji (semoga mereka berdua dirahmati Allah) dalam keadaan saya mendengarnya pada bulan Rabi'ul Akhir tahun 481 hijrah. Mereka berdua juga (seperti Al-Qadhi az-Zahid Abu 'Aamir Mahmud bin al-Qasim bin Muhammad al-Azdi) berkata: Abu Muhammad Abdul Jabbaar bin Muhammad bin Abdillah bin Abi al-Jarraah al-Jarraahi al-Marwazi al-Marzubani meriwayatkan kepada kami dengan dibaca (kitab) hadits ini di hadapannya, katanya: Abu al-'Abbaas Muhammad bin Ahmad bin Mahbub bin Fudail al-Mahbubi al-Marwazi meriwayatkan kepada kami, lalu Syeikh yang tsiqah

As-Syeikh Syihaabuddin Ahmad as-Subki (m.1032H). Beliau menerimanya daripada (15) As-Syeikh Najmuddin Muhammad bin Ahmad bin 'Ali bin Abi Bakr al-Ghaithi (m.984H). Beliau menerimanya daripada (16) As-Syeikh Zainuddin Zakariyya bin Muhammad bin Ahmad bin Zakariyya al-Anshaari (m.926H). Beliau menerimanya daripada (17) As-Syeikh 'Izzuddin Abu Muhammad 'Abdur Rahim bin Nashiruddin. Ibnu al-Furaat (m.851H). Beliau menerimanya daripada (18) As-Syeikh 'Umar bin al-Hasan al-Magharaaghi (m.778H). Beliau menerimanya daripada (19) As-Syeikh al-Fakhr 'Ali bin Ahmad, Ibnu al-Bukhari (m.690H). Beliau menerimanya daripada (20) As-Syeikh 'Umar bin Thabarzad al-Baghdaadi (m.607H). Beliau menerimanya daripada (21) As-Syeikh Abu al-Fath 'Abdul Malik bin Abi al-Qasim 'Abdullah bin Abi Sahl al-Hirawi al-Karukhi (m.548H). Beliau menerimanya daripada tiga orang gurunya iaitu (22) (i) Al-Qadhi az-Zahid Abu 'Aamir Mahmud bin al-Qasim bin Muhammad al-Azdi (m.487H) (ii) As-Syeikh Abu an-Nashr 'Abdul 'Aziz bin Muhammad bin Ali bin Ibrahim al-Tiryaaqi (m.483H) dan (iii) As-Syeikh Abu Bakr Ahmad bin 'Abdis Shamad bin Abi al-Fadhl bin Abi Hamid al-Ghurji (m.481H). Mereka bertiga menerimanya daripada (23) Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar bin Muhammad bin 'Abdillah bin Abi al-Jarraah al-Jarraahi al-Marwazi al-Marzubaani (m.412H). Beliau menerimanya daripada (24) Abu al-'Abbaas Muhammad bin Ahmad bin Mahbub bin Fudhail al-Mahbubi al-Marwazi (m.346H). Beliau menerimanya daripada (25) Pengarang kitab Jaami' at-Tirmizi sendiri, Al-Imam al-Hafiz Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Saurah bin Musa at-Tirmizi (m.279H).

lagi amanah mengakuinya,² katanya: Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Saurah bin Musa at-Tirmizi al-Hafiz³ meriwayatkan kepada kami, katanya:

² Walaupun ucapan ini tidak terdapat di dalam sesetengah nuskah Jaami' at-Tirmizi, malah tempatnya diambil alih oleh 'ibarat: أخبرنا أبو العباس محمد بن أحمد بن أخبرنا الشيخ الثقة الأمين أبو العباس . Namun disebabkan terdapat banyak sekali nuskah-nuskah yang mengandungi ucapan itu, terutamanya nuskah-nuskah yang dicetak di benua kecil India. Apa lagi dalam keadaan mafhumnya yang telah menimbulkan kekeliruan kepada sesetengah pihak, sehingga ada yang berkata, ini semua adalah akibat kesilapan penyalin kitab. Maka penulis berfikir ada baiknya jika ucapan yang telah menjadi teka-teki itu dirungkai dengan teliti dan cermat. Menurut pengamatan penulis, sebenarnya terdapat beberapa pendapat tentang siapakah sebenarnya orang yang mengatakan: "lalu Syeikh yang tsiqah lagi amanah mengakuinya" di sini. Dan siapakah pula yang dimaksudkan dengan Syeikh yang tsiqah lagi amanah itu? Antara pendapat yang telah dikemukakan oleh para pensyarah kitab Jaami' at-Tirmizi ialah: (1) Orang yang mengatakan demikian ialah 'Umar bin Thabarzad al-Baghdadi. Syeikh yang tsiqah lagi amanah itu pula ialah Syeikh Abu al-Fath 'Abdul Malik bin Abi al-Qasim al-Hirawi al-Karukhi. Maksudnya ialah setelah selesai membaca kitab Jaami' at-Tirmizi di hadapan gurunya Syeikh Abu al-Fath, Syeikh 'Umar bin Thabarzad al-Baghdadi meminta pengesahan daripadanya tentang keabsahan riwayatnya. Tetapi pendapat ini tidak begitu kuat, kerana ucapan "lalu Syeikh yang tsiqah lagi amanah mengakuinya" itu terletak terlalu jauh selepas disebutkan nama Syeikh Abu al-Fath. (2) Orang yang mengatakan demikian ialah Syeikh Abu al-Fath sendiri dan orang yang dimaksudkan dengan Syeikh yang tsiqah lagi amanah itu ialah salah seorang daripada tiga orang guru beliau. Maksudnya ialah Syeikh Abu al-Fath berkata, selepas menyampaikan hadits-hadits kitab Tirmizi, guru saya mengakui keabsahan riwayatnya. Pendapat ini juga tidak kuat kerana ucapan itu terletak terlalu jauh selepas disebutkan nama Syeikh Abu al-Fath. Nama guru yang dikatakan Syeikh yang tsiqah lagi amanah itu juga tidak dapat dipastikan. (3) Orang yang berkata begini ialah Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar. Syeikh yang tsiqah lagi amanah pula merujuk kepada Abu al-'Abbaas Muhammad bin Ahmad al-Marwazi. Tiga orang murid Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar telah meminta pengesahan guru Abu Muhammad iaitu Abu al-'Abbaas bahawa adakah benar beliau ada meriwayatkan kitab Jaami' at-Tirmizi kepada Abu Muhammad? Maka beliau mengakuinya. Pendapat ini baru dapat diterima setelah dipastikan al-Qadhi az-Zaahid, Syeikh Abu an-Nashr at-Tiryaaqi atau Syeikh Abu Bakr al-Ghurji memang sempat bertemu dengan Syeikh Abu al-'Abbaas al-Marwazi. Kenyataan tidak menyokongnya disebabkan oleh al-Qadhi az-Zaahid lahir pada tahun 400H. Sedangkan Syeikh Abu al-'Abbaas al-Marwazi telah meninggal dunia 54 tahun sebelum kelahirannya iaitu pada tahun 346H. Dengan itu pertemuan mereka dengannya adalah suatu yang tidak mungkin berlaku. (4) Ini ialah ucapan salah seorang daripada murid Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar. Syeikh yang tsiqah lagi amanah yang dimaksudkan ialah Abu al-'Abbaas al-Marwazi. Maksudnya ialah setelah menerima hadits-hadits kitab Jaami' at-Tirmizi daripada Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar, al-Qadhi az-Zaahid, Syeikh Abu an-Nashr at-Tiryaaqi atau Syeikh Abu Bakr al-Ghurji telah pergi bertemu dengan guru Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar sendiri iaitu Abu al-'Abbaas al-Marwazi untuk mendapat pengesahan daripada beliau. Seolah-olahnya dia bertanya Abu al-'Abbaas al-Marwazi begini: أخبر عبد الجبار؟ فأقر به الشيخ الثقة الأمين (Benarkah

tuan telah meriwayatkan hadits-hadits kitab Jaami' at-Tirmizi kepada 'Abdul Jabbaar? Maka Syeikh yang tsiqah lagi amanah pun mengesahkannya). Pendapat ini juga tidak kuat seperti pendapat (3) sebelumnya. (5) Ini ialah ucapan ketiga-tiga orang murid Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar. Syeikh yang tsiqah lagi amanah yang dimaksudkan ialah Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar sendiri. Maksudnya ialah setelah menerima hadits-hadits Jaami' at-Tirmizi daripada beliau, mereka meminta pengesahannya. Seolah-olahnya mereka berkata kepada Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar begini: أَخْبِرْكَ أَبُو الْعَبَّاسِ؟ فَأَقْرَبُ بِهِ الشَّيْخَ الثَّقَةَ الْأَمِينَ (Benarkah Abu al-'Abbaas telah meriwayatkan hadits-hadits kitab Jaami' at-Tirmizi ini kepada tuan? Maka Syeikh yang tsiqah lagi amanah pun mengesahkannya). Inilah pendapat Maulana 'Abdur Rahman al-Mubaarakpuri, pengarang Syarah Tirmizi yang berjudul "Tuhfatu al-Ahwazi" yang masyhur itu. Namun pendapat beliau tidak diterima oleh banyak pihak. Kerana kalau begitulah sebenarnya, sepatutnya ucapan "lalu Syeikh yang tsiqah lagi amanah mengakuinya" itu terus disebutkan selepas disebut nama Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar. Bukan selepas nama Abu al-'Abbaas al-Marwazi. (6) Orang yang berkata begini ialah Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar. Syeikh yang tsiqah lagi amanah pula merujuk kepada Abu al-'Abbaas Muhammad bin Ahmad bin Mahbub bin Fudhail al-Mahbubi al-Marwazi. Salah seorang daripada murid Abu al-'Abbaas - mungkin Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar sendiri - telah meminta pengesahan guru mereka iaitu Abu al-'Abbaas tentang keabsahan beliau meriwayatkan kitab Jaami' at-Tirmizi? Maka beliau mengakuinya. Seolah-olahnya Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar berkata kepada Abu al-'Abbaas al-Marwazi begini: أَخْبِرْكَ الْإِمَامَ التِّرْمِذِيَّ؟ فَأَقْرَبُ بِهِ الشَّيْخَ الثَّقَةَ الْأَمِينَ (Benarkah Imam at-Tirmizi telah meriwayatkan hadits-hadits kitab Jaami'nya kepada tuan? Maka Syeikh yang tsiqah lagi amanah pun mengesahkannya). Inilah pendapat yang paling baik di sisi penulis. Inilah juga pendapat Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi, Syeikhul Hind Maulana Mahmudul Hasan dan Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri. Taujih ini lebih baik daripada yang lain-lain dan lebih rajih pada pandangan penulis kerana tiga alasan berikut: (a) Untuk menerimanya, anda tidak perlu pergi kepada ta'wilan-ta'wilan yang jauh dan bukan-bukan. (b) Ucapan itu terus tersebut selepas nama Abu al-'Abbaas al-Marwazi. (c) Kerana tersebut di dalam sesetengah nuskah Jaami' at-Tirmizi begini: أَخْبَرَنَا الشَّيْخُ الثَّقَةُ الْأَمِينَ أَبُو الْعَبَّاسِ. Demikian juga terdapat di dalam Tsabt (catitan riwayat yang dirakam dengan cermat) 'Allamah Ibrahim al-Kauraani dan 'Allamah Faalih al-Hijaazi. Berdasarkan riwayat daripada nuskah-nuskah ini, dapat difahami bahawa الشَّيْخُ الثَّقَةُ الْأَمِينَ atau Syeikh yang tsiqah lagi amanah itu merupakan laqab (gelaran) khusus yang diberikan kepada Abu al-'Abbaas al-Marwazi. Atas alasan-alasan inilah penulis berpendapat ia paling kuat dan rajih. Soal apa perlunya ada ucapan seperti itu dalam periwayatan hadits? Anda akan mendapat jawapannya menerusi keterangan Khathib al-Baghdaadi di dalam kitabnya "Al-Kifaayah Fi 'Ilmi Ar-Riwaayah". Al-Khathib menulis di dalamnya bahawa jika murid membaca hadits di hadapan guru dalam keadaan guru mendengarnya dengan teliti, adakah murid masih memerlukan kepada pengesahan guru atau tidak untuk meriwayatkan hadits yang dibaca di hadapannya itu? Para 'ulama' hadits berbeda pendapat dalam masalah ini. Ada antara mereka berpendapat, masih lagi perlu. Ada pula yang berpendapat, tidak perlu lagi. Bagaimanapun semua mereka berpendapat, adalah lebih baik setelah selesai mendengar, guru mengucapkan sesuatu ucapan yang menunjukkan pengesahan dan pengakuan dari pihaknya. Sebagai mengamalkan yang lebih baik itulah Syeikh Abu al-'Abbaas mengakui dan mengesahkan apa yang diriwayatkan olehnya kepada murid-muridnya. Khususnya Syeikh Abu Muhammad 'Abdul Jabbaar. Syeikh